



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 5 JULAI 2019

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(54)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BERNAMA.COM

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH TIMES

RM25.7 million of MPKK grant channeled to every state - Rina

Last update: 05/07/2019



Datuk Seri Rina Mohd Harun

KOTA KINABALU, July 4 (Bernama) -- A total of RM25.78 million of the Village Community Management Council (MPKK) grant has been channeled to every state from January to June this year, said Rural

Development Minister Datuk Seri Rina Mohd Harun.

She said of the total, RM3 million was channeled to the Sabah branch of the Rural Development Ministry (KPLB) and RM130,000 to Labuan Federal Territory.

The ministry received 2,242 MPKK grant applications from across the country including from Sabah and Labuan, she added.

"In Sabah we have just received three applications and we hope to receive more MPKK grant applications after completing this induction course," she told reporters after an MPKK induction training session here today.

Also present were Sabah Rural Development Minister Datuk Ewon Benedick and Sabah Education and Innovation Minister Datuk Dr Yusof Yacob.

Rina added that induction course for Sabah would be implemented in three series to enable all MPKK of every village to gain knowledge on village management.

She said those who attended the first series of the induction programme were MPKK members from Kota Belud, Beaufort, Papar, Penampang, Kota Kinabalu, Putatan and Membakut districts as well Labuan FT.

-- BERNAMA

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

BERNAMA.COM



RM25.7 juta peruntukan MPKK disalurkan ke setiap negeri di seluruh negara

KOTA KINABALU, 4 Julai (Bernama) -- Sejumlah RM25.78 juta peruntukan Geran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) telah disalurkan ke setiap negeri di seluruh negara bagi Fasa 1 dari Januari hingga Jun tahun ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata daripada jumlah itu sebanyak RM3 juta telah disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan RM130,000 di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan.

Beliau berkata setakat ini kementerian menerima sebanyak 2,242 permohonan Geran MPKK dari seluruh negara termasuk Sabah dan WP Labuan.

"Di Sabah kita baru menerima tiga permohonan dan berharap akan menerima lebih banyak permohonan di bawah Geran MPKK terutamanya selepas selesai mengikuti kursus induksi ini," katanya kepada pemberita selepas kursus induksi MPKK Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah Datuk Ewon Benedick dan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah Datuk Dr Yusof Yacob.

Rina berkata dengan selesainya kursus induksi itu, lebih 11,000 ahli MPKK telah berjaya mendapat latihan dalam usaha mencapai visi dan misi kerajaan.

Beliau berkata di Sabah kursus induksi itu akan dilaksanakan sebanyak tiga siri bagi membolehkan kesemua MPKK di setiap kampung di negeri ini mendapat pendedahan mengenai pengurusan kampung.

Katanya, ahli MPKK yang terlibat induksi siri pertama itu termasuk dari Daerah Kota Belud, Beaufort, Papar, Penampang, Kota Kinabalu, Putatan, Membakut dan WP Labuan.

Dalam perkembangan lain, Rina berkata hampir kesemua daripada 101 projek di bawah program Jalan Perhubungan Desa di Sabah telah siap bagi tempoh enam bulan tahun ini.

Selain itu, sebanyak 64 program di bawah ameniti sosial juga turut dilaksanakan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM30 juta.

--BERNAMA

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

SABAH NEWS
TODAY



MPKK BERTANGGUNGJAWAB PENUHI ASPIRASI KERAJAAN PH

07:25pm 04/07/2019 Sitti Nor Azizah Talata Isu Semasa, Pilihan Editorial 0 Komen

Oleh Sitti Nor Azizah Talata

KOTA KINABALU: Kursus Induksi anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dapat membantu dan memudahkan MPKK melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berkesan bagi memenuhi aspirasi kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata ilmu yang diperolehi para peserta kursus itu dapat membantu kerajaan merealisasikan usaha membangunkan kawasan luar bandar di seluruh negara.

Rina berkata kerajaan PH mahu perkhidmatan kepada rakyat benar-benar dilaksanakan dan dibuktikan bukan sekadar memberikan janji tanpa sebarang pelaksanaan.



Rina (tengah, duduk depan) bersama Dr Yusof Yacob dan Ewon

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

**SABAH NEWS
TODAY**

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

**Utusan
Borneo**

THE BORNEO POST

**NEW SABAH
TIMES**

"MPKK adalah ibarat kerajaan paling bawah yang peranan dan tanggungjawabnya begitu besar dan sangat relevan.

"Ini kerana mereka adalah penghubung di antara rakyat luar bandar dengan kerajaan, tanpa MPKK mustahil untuk kerajaan negeri dan Persekutuan menyalurkan semua keperluan rakyat yang masih belum diliputi.

"MPKK bertanggungjawab menyalurkan maklumat-maklumat ini kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan," katanya.



Rina menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta. Gambar SNT/Sitti Nor Azidah Talata

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Interaksi Menteri Pembangunan Luar Bandar Bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di sini hari ini.

Program itu melibatkan penyertaan seramai 824 Pengerusi dan Setiausaha MPKK dari tujuh daerah iaitu Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Papar, Membakut, Beaufort, Kota Belud dan Labuan.

Hadir sama ialah Menteri Pelajaran dan Inovasi, Datuk Dr Yusof Yacob dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Ewon Benedick.

Sehubungan itu, katanya bagi tujuan perancangan pembangunan luar bandar Sabah pada masa akan datang, MPKK perlu mengambil tanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan prasarana asas kampung masing-masing.

Ujarnya, MPKK perlu mempunyai pangkalan data atau profil kampung yang sentiasa dikemaskini.

Beliau berkata dengan adanya data kampung yang lengkap dan dikemaskini akan memudahkan perancangan pembangunan dibuat oleh kerajaan. - SabahNewsToday

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

UTUSAN BORNEO
ONLINE

Utusan

BERITA HARIAN

Metro

Kosmo!

Sinar

Star

NEW STRAITS TIMES

南洋商報

東方日報

Utusan Borneo

THE BORNEO POST

NEW SABAH TIMES

MPKK di Sabah digesa kemukakan permohonan geran

2019-07-05T02:30:01+08:00



RINA (tiga kiri) menerima cenderahati daripada wakil MPKK Labuan sambil diperhatikan Ewon (dua kiri) dan Yusof (tiga kanan).

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Luar Bandar menggesa agar lebih banyak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di Sabah mengemukakan permohonan geran untuk pelaksanaan projek pembangunan kampung.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, setakat ini jumlah permohonan geran yang dihantar MPKK masih pada tahap yang rendah.

Menurutnya, hanya 12 permohonan yang dikemukakan MPKK di negeri ini dan 14 permohonan lagi dari MPKK Wilayah Persekutuan Labuan.

TARIKH:

5 JULAI 2019

HALAMAN:

ONLINE

**UTUSAN BORNEO
ONLINE**



Sehubungan itu, beliau mahu para MPKK segera mengemukakan permohonan agar peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan sebelum berakhir tahun kewangan 2019.

"Bagi negeri Sabah, peruntukan awal disediakan sebanyak RM3 juta tahun ini dan setiap kampung boleh membuat permohonan setiap tahun.

"Peruntukan khas kepada semua MPKK ini bertujuan mendapatkan geran berjumlah RM10,000 untuk melaksanakan projek yang menjana pendapatan masyarakat kampung, keceriaan dan keselamatan kampung," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Interaksi Menteri Pembangunan Luar Bandar Bersama MPKK Sempena Kursus Induksi MPKK Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau mahu para MPKK yang dilantik dapat memanfaatkan segala ilmu sepanjang kursus berkenaan terutama dalam membuat perancangan kewangan serta menyediakan profil kampung.

Usaha itu, jelasnya, mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat kampung malah kepada kementerian dalam melaksanakan program dan projek pembangunan.

"Bagi 2019, kita memperuntukkan sebanyak RM1.35 bilion untuk Sabah iaitu peningkatan sebanyak 40 peratus berbanding tahun lepas.

"Setakat ini, kita sudah laksanakan sebanyak 101 Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan 64 Program Ameniti Sosial (Pams) yang melibatkan peruntukan kira-kira RM30 juta," katanya.

Seramai 824 orang membabitkan pengerusi dan setiausaha MPKK dari tujuh daerah iaitu Kota Kinabalu, Putatan, Penampang, Papar, Membakut, Beaufort, Kota Belud dan juga Labuan menyertai kursus induksi itu.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah Datuk Ewon Benedick dan Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob.